

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

SOALAN NO. 214

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah sumbangan yang diperuntukkan bagi tujuan infrastruktur dan pembangunan fizikal bagi semua sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah Cina, sekolah Tamil, sekolah mubaligh serta sekolah-sekolah persendirian di DUN Prai, DUN Bukit Tengah dan DUN Bukit Tambun dari tahun 2008 sehingga kini dan untuk masa depan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat

Peruntukan yang telah diturunkan bagi tujuan infrastruktur dan pembangunan fizikal bagi semua sekolah kebangsaan (SK), sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC), sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) dan sekolah mubaligh di Dewan Undangan Negeri (DUN) Prai, DUN Bukit Tengah dan DUN Bukit Tambun dari tahun 2008 hingga tahun 2018 adalah seperti yang berikut:

Jenis Sekolah	Jumlah Peruntukan
Sekolah Kebangsaan	RM3,383,993.83
SJKC	RM767,791.93
SJKT	RM1,748,686.00
Sekolah Mubaligh	RM712,000.00